



Kegigihan Timur padam ego Barat

KALI ini nampaknya saya 'terjerat' lagi. Memang sukar untuk mengatakan tidak kepada mana-mana novel tulisan pemenang Anugerah Akademi di Amerika Syarikat (AS), Sidney Sheldon. "Terjerat" maksudnya, jika sudah mula terbaca muka satu, pasti akan ingin menghabiskan sehingga ke muka paling akhir. Masalahnya, novel tulisan Sheldon bukan 100 atau 200 muka surat, malah mencecah 400.

Malangnya, jarang sekali dapat menghabiskan mana-mana novel tulisannya lebih daripada sehari. Mungkin benar seperti yang pernah dinyatakannya dalam satu temuramah pada 1982, iaitu 'saya cuba menulis buku yang membuat pembacanya tidak mampu menutupnya'.

Sheldon (1917 - 2007) dilahirkan di Chicago, Amerika Syarikat. Selain menulis novel, beliau juga turut menulis skrip dan antara yang paling tidak boleh dilupakan ialah siri televisyen yang pernah diminati ramai di Malaysia, iaitu *I Dream of Jeannie* yang turut diterbitkan dan diarahkannya.

Beliau mula mengkomersialkan hasil penulisannya sejak berusia 10 tahun dengan menjual sajak ciptaannya dengan harga AS\$5 atau RM18. Saya melihat usaha Sheldon ini amat menarik, bukan saja dari segi kreativiti menambah wang saku, malah aspek kesungguhan menjadikan dirinya yang terbaik dan tertinggi dalam sesuatu diceburi.

Lihat saja berapa ramai anak kita hari ini yang berani menjual hasil penulisan, lukisan atau apa saja rekaan daripada hasil kreativitinya kepada orang lain dalam usia muda 10 tahun? Keberanian inilah pada saya yang membantu seseorang itu untuk terus memperbaiki diri dalam sesuatu bidang yang ingin diceburinya.

Mungkin saja pada awalnya tidak ada orang ingin membeli, tetapi itulah yang akan mendorong diri untuk terus memperbaiki hasil, sehingga menjadi satu hasil yang baik dan dibeli orang. Pemerhatian saya yang mungkin 'berat sebelah' ini melihat anak muda kini perlu bersedia lebih awal mengenalpasti potensi diri dan mencuba sejauh mana kita boleh berjaya dalam sesuatu bidang diminati.

Ramai remaja hari ini yang giat berusaha meningkatkan potensi diri, tetapi masih ramai juga ketinggalan. Saya percaya, tidak ada penyanyi yang boleh menyanyi dengan baik tanpa latihan, tiada penulis yang boleh menulis sehingga boleh menarik orang membeli nukilannya tanpa usaha yang bukan setahun dua, tidak ada pelajar cemerlang yang berjaya tanpa sebarang usaha.

Semuanya banyak bergantung kepada sikap sendiri, yang nyata dalam kes ini adalah musuh kepada sikap malas. Sungguhpun bakat dan keupayaan seseorang itu berbeza, namun usaha menggilap bakat yang berterusan dan istiqamah dalam menambah ilmu akan tetap menampakkan hasil.

Bidang yang dimaksudkan bukan hanya dalam bidang seperti penulisan atau kebudayaan, malah juga dalam bidang akademik, sukan dan vokasional. Pendek kata, cubaan mengenal potensi diri ini tidak ada hadnya. Mungkin tidak ramai anak muda suka 'memaksa' diri untuk berjaya, tetapi saya meletakkan usaha ini sebagai sesuatu yang amat penting.

Pentingnya di mata saya sehingga boleh dirumuskan kejayaan seseorang dalam apa bidang sekalipun kerana dia tahu tahap bakatnya dan banyak mana usaha diperlukan untuk mencapai tahap tertinggi dalam bidang diminatinya itu. Jika dikenal pasti tidak

berbakat, mungkin boleh dilupakan bidang berkenaan untuk mencuba bidang lain pula.

Saya sendiri amat meminati bidang sukan sebelum ini. Namun, cubaan dalam pelbagai jenis permainan dan olahraga sejak sekolah rendah membuatkan saya faham bahawa saya tidak berbakat dalam bidang itu. Saya berhenti mencuba dan mengenal pasti bakat dalam bidang sukan ketika berusia 13 tahun dan mencuba pula mengenal pasti bakat dalam bidang lain. Sukan hari ini bukan ditujukan sebagai kerjaya, tetapi hanya untuk kesihatan diri.

Jika dilihat, ramai anak muda hari ini yang berbakat dalam banyak bidang, tetapi kurang usaha untuk mengembangkan bakat itu. Kadang kala, dia sendiri tidak tahu yang dia berbakat dalam sesuatu bidang. Di sinilah peranan ibu bapa penting untuk membantu anak mengenal pasti potensi diri dan mengembangkannya untuk mencapai yang terbaik dalam bidang yang diminatinya itu.

Bagi ibu bapa zaman moden ini, saya mengharapkan agar ada ruang diberikan kepada anak yang ingin mengembangkan bakat dalam bidang yang mungkin bukan bidang profesional. Tidak salah menjadi pelukis atau pemuzik misalnya, tetapi cubalah jadi 'kiasu' atau seorang yang mahir dalam bidang itu.

Bagi saya sendiri, saya melihat pemuzik yang handal dalam bidangnya sebagai lebih hebat daripada pemegang ijazah atau sarjana yang kadang-kala bukan 'kiasu' dalam apa dikerjakannya. Di UK, pemerhatian singkat ini merumuskan bahawa tidak semua pelajar berbangsa Inggeris ini tergolong dalam kelompok yang rajin.

Nyata kebanyakan pelajar Asia seperti dari Jepun dan Korea lebih tekun dan mendapat keputusan peperiksaan lebih baik berbanding pelajar Inggeris. Hal ini, saya kaitkan dengan cara hidup mereka yang kebanyakannya lebih bertumpu kepada gaya hidup bebas dan mementingkan hiburan malam.

Kesannya, mereka mengantuk pada siang hari, tidur ketika syarahan dalam kelas. Seorang pensyarah berbangsa Inggeris yang pernah mengajar dalam tahun pertama pengajian saya di sini pernah mengeluh dengan kata-kata 'sekarang tidak boleh buat kelas pagi. Jika dalam kelas ada 60 orang, hanya 10 orang datang kelas jam 9. Mereka terlalu banyak membuang masa dengan hiburan malam, tidak kira esoknya cuti atau ada kelas.'

Senario ini, kata pensyarah itu, tidaklah seteruk 10 tahun lalu dan menyifatkan kebanyakan pelajar Inggeris hari ini tidak lagi berasa kepentingan untuk menjadi yang terbaik dan mencapai sesuatu yang tertinggi dalam hidupnya. Cukuplah dapat ijazah dengan markah 'cukup makan' untuk mendapatkan kerja dan gaji itu nanti boleh dibuat belanja hiburan malam.

Generasi muda Inggeris kini nampaknya tidak mewarisi sifat nenek moyang mereka yang lebih berazam kuat dalam melakukan sesuatu. Senario umumnya hari ini menunjukkan semakin kurangnya budaya bersaing di kalangan pelajar kulit putih, yang masih kuat dirasakan di kalangan masyarakat Timur.

Rasa 'kasihan' pun ada kepada mereka yang macam tidak nampak keperluan untuk menjadi yang terbaik dalam sesuatu kerjaya. Pola sikap sebegini jangan pula sampai jadi ikutan generasi muda Malaysia.

**Penulis ialah pensyarah
Universiti Sains Islam Malaysia (Usim),
kini melanjutkan pelajaran peringkat
doktor falsafah di Nottingham Trent
University, United Kingdom.**